

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [ KENINGAU ]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2016**

**SOALAN :** Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk bertemu dengan Presiden Filipina untuk membincangkan penyelesaian diplomatik bagi memastikan tiada pendatang haram lagi memasuki Sabah dan membincangkan perkara mengenai dengan persekitaran kawasan komuniti ASEAN untuk mencapai keamanan dan kedamaian.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Keningau di atas soalan yang dikemukakan.

2. Kerajaan sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah pendatang tanpa izin di Malaysia termasuk di Sabah. Selepas Laporan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah diumumkan pada 3 Disember 2014, Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah yang merangkumi Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah dan Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).
3. Kerajaan juga tidak lupa untuk membangkitkan perkara ini dengan pihak Filipina dalam pertemuan-pertemuan yang diadakan baik disela-sela mesyuarat-mesyuarat antarabangsa atau serantau. Perkara ini sentiasa dibangkitkan oleh YB Menteri Luar Negeri, bahkan oleh YAB Perdana Menteri sendiri, setiap kali ada pertemuan dua hala dengan rakan sejawat mereka dari Filipina. Isu ini perlu ditangani dengan pendekatan menyeluruh.
4. Antaranya, Kerajaan terus memberi perhatian dan keutamaan berhubung keperluan untuk Filipina menubuhkan konsulatnya di Sabah. Kerajaan berpandangan masalah-masalah yang dihadapi di Sabah ekoran kebanjiran pendatang asing tanpa izin terutama dari Filipina

akan dapat ditangani dengan berkesan dengan penubuhan Konsulat Jeneral Filipina di Sabah.

5. Walaupun pihak Kedutaan Besar Filipina menjalankan perkhidmatan konsular bergerak di Sabah, ianya tidak mencukupi. Malaysia berpendapat bahawa amatlah penting bagi Kerajaan Filipina menubuhkan pejabat Konsulat mereka di Kota Kinabalu. Sepertimana yang dilakukan oleh negara Brunei Darussalam, China, Indonesia, dan Jepun. Ini adalah kerana penubuhan Konsulat Jeneral Filipina di Sabah bukan sahaja akan memudahkan kerajaan Filipina untuk menghulurkan bantuan konsular kepada rakyat mereka di Sabah tetapi juga ia akan dapat menyumbang kepada pengembangan kerjasama kedua negara terutamanya dalam bidang ekonomi.

6. Selain itu, sebagaimana Dewan yang Mulia ini sedia maklum, Malaysia juga komited untuk meneruskan peranannya sebagai fasilitator kepada proses rundingan damai di Selatan Filipina. Kerajaan percaya dengan komitmen penuh semua pihak termasuk masyarakat antarabangsa dalam melaksanakan Perjanjian Komprehensif Bangsamoro (CAB) yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Republik Filipina dan *Moro Islamic Liberation Front* (MILF) pada 27 Mac 2014 akan menyumbang kepada keamanan, kestabilan dan kesejahteraan serantau termasuk kepada Sabah.

7. Peranan Malaysia sebagai fasilitator dan penglibatan Malaysia di dalam *International Monitoring Team – Mindanao* (IMT-M) serta dalam pembangunan kapasiti Bangsamoro adalah komitmen berterusan negara ke arah keamanan dan kesejahteraan serantau.

8. Pada masa yang sama, Malaysia dengan Indonesia dan Filipina juga sedang bekerjasama untuk menangani isu keselamatan maritim di Laut Sulu di bawah *Framework on Trilateral Cooperative Arrangement Indonesia-Malaysia-the Philippines on Immediate Measures to Address Security Issues in the Maritime Areas of Common Concern*. Mekanism ini juga secara tidak langsung akan menyumbang untuk menangani isu kemasukan pendatang asing ke Sabah apabila dilaksanakan sepenuhnya kelak.

Sekian, terima kasih.